



TEKS UCAPAN
YS PKPjB HASSAN 'AS'ARI BIN HJ. OMAR
PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KUALA LUMPUR

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KUALA
LUMPUR TAHUN 2025**

PADA

11 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)

MASA

2:30 Petang

TEMPAT

DEWAN KUARTERS BOMBA CHERAS (KBC)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

**Yang Berusaha Pn. Azurah binti Abdul Jamil @
Kamarudzzaman**

Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Yang Berusaha ChM. Dr. Norshidah binti Baharuddin

Pengarah Kanan, Pusat Jualan, Pembangunan Perniagaan dan
Pengkomersialan

SIRIM Industrial Research, SIRIM Berhad.

**Penolong Kanan Penguasa Bomba Tn Fairus bin Mad Shah
Selaku Juri Lantikan Jabatan**

**Penolong-Penolong Pengarah Bahagian
Ketua-ketua Balai
Barisan Peserta KIK JBPM Kuala Lumpur
Seterusnya,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Jabatan Bomba Berperestasi Tinggi Cepat & Mesra,
Salam Bomba KL Metropolitan dan Salam Malaysia Madani.

1. Terlebih dahulu marilah kita melafazkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama kita berkumpul di Dewan Kuarters Cheras pada petang ini bagi menjayakan **MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN**

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

PERINGKAT JBPM KUALA LUMPUR TAHUN 2025

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur di atas usaha dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Konvensyen KIK Peringkat Negeri Tahun 2025 yang melibatkan Juri-juri yang professional dan berpegalaman luas dlm KIK.

3. **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** adalah satu pendekatan yang menggalakkan penyertaan semua anggota dalam mencari penyelesaian kreatif dan inovatif bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi jabatan manakala **Inovasi** merujuk kepada pengenalan idea, proses, teknologi, atau produk baru yang dapat meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan perkhidmatan Jabatan Bomba.

4. Pada tahun ini pengurusan tertinggi jabatan mengharapkan tuan2 puan2 semua telah menghasilkan satu projek baik dan luar biasa bagi membolehkan kite mencapai kejayaan di pertandingan peringkat Kebangsaan dan peringkat KPKT mahupun pertandingan peringkat swasta. Bahagian Latihan

turut memainkan peranan penting dalam mempersiapkan pasukan KIK untuk menyertai **pertandingan KIK di peringkat kebangsaan mahupun KPKT**. Ini termasuk menyediakan latihan/Kursus/Bengkel serta kemahiran yang diperlukan untuk menghasilkan projek KIK/inovasi yang berpotensi untuk menang. Kerjasama yang erat antara **Ketua Balai** dan **Pasukan KIK juga** adalah sangat penting. Kedua-dua pihak perlu saling menyokong dan bekerjasama dalam mencetuskan idea-idea baru, bagi mempersiapkan pasukan KIK balai untuk ke pertandingan.

Hadirin sekalian,

5. Untuk makluman Tuan2 dan Puan2, pada tahun 2024 BBP Setapak telah mendapat Naib Johan dalam pertandingan Inovasi peringkat Kebangsaan manakala pasukan dari Bahagian Keselamatan Kebakaran telah mendapat tempat 10 terbaik dalam pertandingan KIK peringkat KPKT. Tahniah diucapkan. Pada tahun ini kite mengharapkan JBPM Kuala Lumpur boleh mencapai lebih banyak kejayaan berbanding tahun lepas.

6. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Tahun 2025 dengan jayanya.

Akhir kata, dengan lafaz mulia



1. Saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur Tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**